



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 282

**AKTA LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH
PULAU PINANG 1983**

Tarikh Persetujuan Diraja 9hb Mac 1983

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 10hb Mac 1983

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 282

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG 1983

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II LEMBAGA

3. Lembaga.
4. Fungsi-fungsi Lembaga.
5. Keanggotaan Lembaga.
6. Anggota gilir.
7. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
8. Pengkhidmat awam.
9. Kuasa Menteri untuk memberi arahan.
10. Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang.
11. Fungsi-fungsi tambahan bagi Lembaga.
12. Penyata, laporan, akaun dan maklumat.

BAHAGIAN III PENGERUSI, PEGAWAI, PENGKHIDMAT, BAHAGIAN

13. Pengerusi.
14. Pengurus Besar dan Timbalan-timbalannya.
15. Penyusunan Lembaga kepada Bahagian-bahagian.
16. Perlantikan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain.
17. Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pengkhidmat.

[Susunan Seksyen]

4

AKTA 282

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

Seksyen

18. Penubuhan Kumpulan Wang.
19. Pengimbangan akaun hasil.
20. Kumpulan wang rizab.
21. Perbelanjaan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang.
22. Perbelanjaan dan menyediakan anggaran.
23. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

BAHAGIAN V

KUASA-KUASA LAIN LEMBAGA

24. Perwakilan kuasa-kuasa Lembaga.
25. Kuasa meminjam.
26. Pelaburan.
27. Kuasa-kuasa untuk mengambil kerja ejen-ejen.
28. Kuasa untuk memberi pinjaman.
29. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan.
30. Mengambil tanah secara paksa.

BAHAGIAN VI

AM

31. Pengecualian daripada duti setem.
32. Obligasi menyimpan rahsia.
33. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
34. Perkara-perkara yang dilakukan dengan menjangka Akta ini akan diperkanunkan.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 282

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH
PULAU PINANG 1983

Suatu Akta untuk memperbadankan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[11th Jun 1983]

AU(B) 252/83

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa. pu(B) 252/83

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Bahagian” ertinya Bahagian yang ditubuhkan di bawah seksyen 15;

“Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang” ertinya kawasan atau kawasan-kawasan yang ditetapkan oleh Menteri mengikut seksyen 10 menjadi Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang;

“Kumpulan Wang” ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 18;

“Lembaga” ertinya Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Negeri” ertinya Negeri Pulau Pinang;

“pegawai” ---

← A970

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 5 dan termasuklah Timbalan Pengerusi apabila melaksanakan tugas-tugas Pengerusi di bawah seksyen 13 (2) dan mana-mana anggota Lembaga apabila mempengerusikan mana-mana mesyuarat Lembaga;

“Pengurus Besar” ertinya Pengurus Besar yang dilantik di bawah seksyen 14 (1) dan termasuklah Timbalan Pengurus Besar yang diarahkan melaksanakan tugas-tugas Pengurus Besar di bawah seksyen 14 (7);

“perbadanan” ertinya perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 29;

Akta 125.

“syarikat” mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepada “corporation” di bawah seksyen 4 (1) Akta Syarikat 1965;

“Timbalan Pengerusi” ertinya Timbalan Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 5;

“Timbalan Pengurus Besar” ertinya Timbalan Pengurus Besar yang dilantik di bawah seksyen 14 (6).

BAHAGIAN II

LEMBAGA

Lembaga.

3. Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama “Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang” yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri am, yang boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindah, menyerahhak, menyerahkan balik, memulang, menggadai, menggadaijanji, mendemais, menyerahhak semula, memindahmilik atau dengan cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak pada Lembaga, mengikut apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG 7

4. (1) Fungsi-fungsi Lembaga ialah—

Fungsi-
fungsi
Lembaga.

- (a) memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang;
- (b) memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan perdagangan dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang; dan
- (c) mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang.

(2) Lembaga adalah berkuasa melakukan segala perkara yang bermanfaat atau munasabah perlu bagi atau bersampingan dengan, penjalanan fungsi-fungsinya, dan khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan yang tersebut di atas—

- (a) menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti perdagangan dan perindustrian dan aktiviti penyelidikan dan latihan, yang penjalanannya, pada pendapatnya adalah perlu, berfaedah atau mudah untuk atau berkaitan dengan menjalankan fungsi-fungsinya yang tersebut itu, termasuk mengilang, memasang, memproses, mempek, menggred dan memasarkan keluaran-keluaran;
- (b) mendayausahakan kajian-kajian permulaan mengenai kawasan-kawasan pembangunan dan pembangunan semula yang mungkin dan membuat rancangan-rancangan permulaan yang menggariskan aktiviti-aktiviti pembangunan atau pembangunan semula dan tinjauan-tinjauan permulaan untuk menentukan sama ada projek-projek pembangunan atau pembangunan semula mungkin boleh diusahakan dan dilaksanakan;
- (c) bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen atau ejen-urusan bagi, atau secara lain bertindak bersama dengan atau bagi pihak, Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri,

mana-mana pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat, mana-mana perbadanan atau mana-mana badan atau orang lain;

- (d) memajukan dan menyelaraskan penjalanan aktiviti-aktiviti itu oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, mana-mana pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat, mana-mana perbadanan atau mana-mana badan atau orang lain;
- (e) dengan kelulusan Menteri dan dengan persetujuan Menteri Kewangan, menubuhkan atau memperkembangkan, atau memajukan penubuhan atau pengembangan syarikat-syarikat, perbadanan-perbadanan atau badan-badan lain untuk menjalankan mana-mana aktiviti itu sama ada di bawah kawalan atau separa-kawalan Lembaga atau secara bebas;
- (f) memberi bantuan kepada mana-mana pihak berkuasa awam, syarikat, perbadanan atau mana-mana badan atau orang lain yang, pada pendapat Lembaga, ada mempunyai kemudahan-kemudahan untuk menjalankan mana-mana aktiviti itu termasuk, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, bantuan kewangan dengan mengambil modal syer atau pinjaman atau dengan memberi pinjaman dan selainnya;
- (g) dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, membeli, mengunderait atau secara lain memperolehi apa-apa stok dan syer dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian, dan melupuskannya mengikut apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan;
- (h) menghendaki jabatan-jabatan dan ejensi-ejensi kerajaan dan bukan kerajaan yang menjalankan atau bercadang hendak menjalankan pembangunan dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang supaya mengemukakan laporan-laporan yang mengandungi apa-apa butir dan maklumat yang ditentukan oleh Lembaga mengenai aktiviti-aktiviti atau aktiviti yang dicadangkannya;

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG 9

- (i) melantik ejen-ejen atau menubuhkan apa-apa badan lain yang difikirkannya patut bagi maksud menjalankan fungsi-fungsinya;
- (j) mengenakan fee atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi melaksanakan mana-mana kuasa atau fungsinya;
- (k) menerima, sebagai balasan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi olehnya, apa-apa komisen atau bayaran yang dipersetujui;
- (l) mengatur pembangunan dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang; dan
- (m) melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut bagi membolehkannya menjalankan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dengan berkesan.

(3) Tertakluk kepada seksyen 9, adalah menjadi tanggungjawab Lembaga dalam menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini memastikan bahawa fungsi-fungsi itu dijalankan sejajar dengan dasar Kerajaan yang sedang berkuatkuasa dan khususnya dasar berhubungan dengan penyusunan semula masyarakat.

(4) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), (2) dan (3), Lembaga hendaklah pertama sekali berunding dengan Kerajaan Negeri sebelum menjalankan apa-apa fungsinya yang melibatkan perancangan pembangunan.

5. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut yang dilantik oleh Menteri, kecuali Pengurus Besar: Keanggotaan Lembaga.

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan;
- (d) tiga orang wakil Kerajaan Negeri;
- (e) tiga orang yang mempunyai kedudukan profesional yang berkaitan; dan
- (f) Pengurus Besar.

(2) Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama adalah terpakai bagi anggota-anggota Lembaga.

(3) Apabila jawatan Pengurus Besar kosong, subseksyen (1) hendaklah dibaca seolah-olah paragraf (f) telah dipotong.

Anggota
gilir.

6. (1) Menteri boleh, berkenaan dengan tiap-tiap anggota Lembaga yang dilantik di bawah subseksyen (1) (c) dan (1) (d) seksyen 5, melantik seorang menjadi anggota gilir untuk menghadiri, sebagai ganti anggota itu, mesyuarat Lembaga yang tidak dapat dihadiri oleh anggota itu kerana sesuatu sebab.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga seseorang anggota gilir hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai seorang anggota Lembaga.

(3) Seseorang anggota gilir hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau jawatannya terlebih dahulu dibatalkan, terhenti daripada menjadi seorang anggota gilir jika anggota yang baginya dia menjadi anggota gilir tidak lagi menjadi anggota Lembaga.

(4) Peruntukan-peruntukan paragraf 1 dan 2 Jadual Pertama adalah juga terpakai mengenai seseorang anggota gilir sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan lain Jadual Pertama yang boleh dipakai baginya apabila menghadiri mesyuarat Lembaga.

Akta
Perlindungan
Pihak
Berkuasa
Awam
1948.
Akta 198.

7. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 adalah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pengkhidmat atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifatnya yang demikian itu.

Pengkhid-
mat awam.

8. Semua anggota, pegawai dan pengkhidmat Lembaga semasa menjalankan kewajipan-kewajipan mereka sebagai anggota, pegawai dan pengkhidmat Lembaga, hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

N.M.B.
Bab 45.

Kuasa
Menteri
untuk
memberi
arahan.

9. (1) Lembaga adalah bertanggungjawab kepada Menteri, dan Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi arahan-arahan yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini dan Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh melaksanakan semua arahan itu.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), dan tertakluk kepada perundingan dengan Lembaga dan persetujuan Menteri Kewangan, kuasa Menteri untuk

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG 11

memberi arahan-arahan hendaklah termasuk memberi arahan-arahan kepada Lembaga—

(a) mengenai pelupusan aset modal; dan

(b) mengenai penggunaan hasil dari pelupusan itu,

walaupun arahan-arahan itu mungkin mengenai sesuatu yang tertentu :

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa arahan tersebut boleh diberi selagi apa-apa jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini masih belum dijelaskan.

10. (1) Bagi maksud Akta ini, Menteri boleh, dengan persetujuan Kerajaan Negeri, dari semasa ke semasa menetapkan melalui pemberitahuan dalam *Warta*, kawasan atau kawasan-kawasan dalam mana Lembaga akan menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini dan kawasan atau kawasan-kawasan itu hendaklah dinamakan "Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang".

Kawasan
Lembaga
Kemajuan
Wilayah
Pulau
Pinang.

(2) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, adalah menjadi tanggungjawab Lembaga menjalankan fungsi-fungsi yang diperuntukkan oleh Akta ini dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang.

11. Selain daripada kewajipan-kewajipan yang dipertanggungkan ke atas dan kuasa-kuasa yang diletakkan pada Lembaga oleh Akta ini, Lembaga boleh menjalankan apa-apa fungsi lain, menjalankan apa-apa kuasa lain dan mentadbir dan membelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud yang mungkin diuntukkan atau diberi kepadanya oleh Kerajaan Persekutuan atau, dengan kelulusan Menteri, oleh Kerajaan Negeri, dan dalam melakukan yang demikian, Lembaga hendaklah disifatkan sebagai menunaikan maksud Akta ini, dan peruntukan-peruntukan Akta ini adalah terpakai bagi Lembaga berkenaan dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa itu dan berkenaan dengan pentadbiran dan pembelanjaan wang itu :

Fungsi-
fungsi
tambahan
bagi
Lembaga.

Dengan syarat sentiasanya bahawa wang itu dan akaun-akaunnya hendaklah disimpan berasingan dan berlainan dari akaun-akaun Kumpulan Wang.

Penyata,
laporan,
akaun dan
maklumat.

12. (1) Lembaga hendaklah memberi kepada Menteri dan mana-mana orang, kumpulan orang atau pihak berkuasa awam lain yang diarahkan oleh Menteri apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat sebagaimana dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa berkenaan dengan harta dan aktiviti-aktiviti Lembaga.

(2) Tanpa menyentuh keluasan peruntukan-peruntukan subseksyen (1), Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas akhir tiap-tiap satu tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan, jika diarahkan oleh Menteri, kepada Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa awam lain suatu laporan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Lembaga dalam masa tahun kewangan yang lalu dan mengikut apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat berhubungan dengan prosiding dan dasar Lembaga sebagaimana dinyatakan dari semasa ke semasa oleh Menteri.

BAHAGIAN III

PENGERUSI, PEGAWAI, PENGKHIDMAT, BAHAGIAN

Pengerusi.

13. (1) Pengerusi hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Jika Pengerusi tidak ada di dalam Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang cukup untuk melaksanakan kewajipan-kewajipannya, Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan Pengerusi dalam masa Pengerusi tidak ada atau tidak berupaya buat sementara itu.

Pengurus
Besar dan
Timbalan-
Timbalan-
nya.

14. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melantik seseorang, yang dinamakan "Pengurus Besar" untuk menjadi ketua pegawai eksekutif dan meletakkan padanya apa-apa kuasa dan mempertanggungjawabkan atasnya apa-apa kewajipan dan fungsi yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Pengurus Besar hendaklah bertanggungjawab—

(a) menyediakan program, skim dan projek untuk pertimbangan Lembaga;

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG 13

- (b) melaksanakan segala program, skim dan projek Lembaga; dan
- (c) melaksanakan keputusan-keputusan Lembaga dan arahan-arahan Pengerusi.

(3) Pengurus Besar hendaklah bertanggungjawab kepada Pengerusi.

(4) Pengurus Besar hendaklah berkuasa mengawal secara am pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.

(5) Pengurus Besar hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain atau apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh Lembaga atau Pengerusi dari semasa ke semasa.

(6) Untuk membantu Pengurus Besar dalam fungsifungsinya, Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melantik seorang atau lebih Timbalan Pengurus Besar dan meletakkan pada mereka apa-apa kuasa dan mempertanggungkan atas mereka apa-apa kewajipan dan fungsi sebagaimana ditentukan oleh Lembaga.

(7) Jika Pengurus Besar tidak ada buat sementara di dalam Malaysia atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang cukup untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan, Lembaga boleh mengarahkan mana-mana Timbalan Pengurus Besar melaksanakan kewajipan-kewajipan Pengurus Besar dalam masa Pengurus Besar tidak ada atau tidak berupaya buat sementara itu.

(8) Pengurus Besar dan tiap-tiap Timbalan Pengurus Besar adalah pegawai Lembaga.

15. (1) Lembaga boleh menubuhkan Bahagian-bahagian sebagaimana difikirkannya perlu, dan tiap-tiap satu Bahagian itu hendaklah di bawah kawalan dan jagaan seorang pegawai.

Penyusunan
Lembaga
kepada
Bahagian-
bahagian.

(2) Pegawai yang menjaga tiap-tiap Bahagian hendaklah dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(3) Adalah menjadi tanggungjawab pegawai yang menjaga sesuatu Bahagian melaksanakan dan menjalankan keputusan-keputusan Lembaga mengenai

perkara-perkara yang berkaitan dengan bahagiannya, mengemukakan syor-syor dasar untuk pertimbangan Lembaga, mengambil bahagian tanpa hak mengundi dalam sesuatu mesyuarat Lembaga apabila perkara-perkara yang berkaitan dengan Bahagiannya dipertimbangkan dalam mesyuarat tersebut dan juga menjalankan segala kuasa yang mungkin diwakilkan kepadanya oleh Lembaga.

Perlantikan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain.

16. (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 17, Lembaga boleh melantik mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana difikirkan perlu oleh Lembaga beberapa orang pegawai dan pengkhidmat lain yang perlu bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini.

(2) Seseorang tidaklah layak untuk diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Lembaga, jika dia mempunyai, secara langsung atau secara tak langsung, dengan sendirinya atau melalui pekongsinya, apa-apa syer atau kepentingan dalam sesuatu kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Lembaga.

(3) Seseorang pegawai atau pengkhidmat yang memperoleh sesuatu syer atau kepentingan tersebut boleh, menurut budibicara Lembaga, dibuang kerja secara terus tanpa notis.

Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pengkhidmat.

17. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat.

7A-17H---

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

Penubuhan Kumpulan Wang.

18. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini, maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu kumpulan wang (dalam Akta ini disebut "Kumpulan Wang") yang akan ditadbirkan dan dikawal oleh Lembaga.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG 15

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri dari—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa bagi maksud-maksud itu oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dibayar dari semasa ke semasa kepada Lembaga dari pinjaman;
- (c) wang yang didapati dari menjalankan apa-apa projek, skim atau enterpris yang dibiayai dari Kumpulan Wang;
- (d) wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadaijanji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak pada Lembaga;
- (e) apa-apa harta, pelaburan, gadaijanji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak pada Lembaga;
- (f) jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga bagi maksud menjelaskan mana-mana daripada obligasinya atau menjalankan mana-mana daripada kewajipannya; dan
- (g) segala wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara kena dibayar kepada, atau terletak pada Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan kuasa dan kewajipannya.

(3) Dalam seksyen ini ungkapan “pinjaman” ertinya apa-apa jumlah wang yang dapat diadakan dari semasa ke semasa bagi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri sebagai pinjaman.

19. Maka adalah menjadi kewajipan Lembaga memelihara Kumpulan Wang dengan menjalankan dan menyempurnakan kuasa-kuasa, fungsi-fungsi dan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta ini supaya jumlah hasil Lembaga, tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberi oleh Menteri di bawah seksyen, cukup untuk membayar semua wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuk kesusutan dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Pengim-
bangan
akaun
hasil.

20. Lembaga hendaklah menubuhkan dan menguruskan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang.

Kumpulan
wang rizab.

Perbelanjaan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang.

21. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

- (a) memberi pinjaman di bawah seksyen 28;
- (b) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Lembaga, termasuk bayaran ukur, guaman dan lain-lain bayaran dan kos, dan saraan bagi pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang dilantik dan diambil kerja oleh Lembaga, termasuk elaun persaraan, pencen atau ganjaran;
- (c) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau dipersetujui dengan sepatutnya oleh Lembaga dalam melaksanakan kewajipannya atau menjalankan fungsinya di bawah seksyen 4;
- (d) memberi atau menyewa loji, atau kelengkapan, alat jentera, barang-barang dan apa-apa bahan lain, memperolehi tanah dan mendirikan bangunan-bangunan dan menjalankan apa-apa kerja dan usaha lain dalam melaksanakan kewajipannya atau menjalankan fungsinya di bawah seksyen 4;
- (e) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar atasnya; dan
- (f) amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Perbelanjaan dan menyediakan anggaran.

22. (1) Perbelanjaan Lembaga hingga sebanyak yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar dari Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September tiap-tiap satu tahun, Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasuk perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan) bagi tahun yang berikutnya mengikut apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir sebagaimana diarahkan oleh Menteri; dan sebelum permulaan tahun yang berikutnya itu Menteri hendaklah memberitahu Lembaga mengenai amaun yang dibenarkan untuk perbelanjaan amnya atau mengenai amaun yang dibenarkan bagi tiap-tiap satu jenis perbelanjaan.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG 17

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau sebahagian daripada perbelanjaan tambahan yang dimasukkan dalam anggaran tambahan itu.

(4) Menteri boleh mengarahkan Lembaga supaya mengemukakan suatu salinan anggaran atau anggaran tambahan itu, mengikut mana yang berkenaan, kepada Kerajaan Negeri atau kepada seseorang lain sebagaimana dinyatakan dalam arahan itu.

23. Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai bagi Lembaga dan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

Akta
Badan
Berkanun
(Akaun
dan
Laporan
Tahunan)
1980.
Akta 240.

BAHAGIAN V

KUASA-KUASA LAIN LEMBAGA

24. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut dikenakan, Lembaga boleh mewakilkan kepada Pengerusi, Pengurus Besar atau mana-mana orang lain kuasa untuk menjalankan dan melaksanakan bagi pihaknya apa-apa kuasa, kewajipan atau fungsi yang diletakhakkan atau dipertanggungjawabkan oleh Akta ini pada atau ke atas Lembaga sebagaimana ditentukan oleh Lembaga, kecuali kuasa untuk meminjam wang, mendapatkan pinjaman atau membuat peraturan-peraturan; dan apa-apa kuasa, kewajipan dan fungsi yang diwakilkan sedemikian boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh Pengerusi, Pengurus Besar atau orang lain, mengikut mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Lembaga.

Perwakilan
kuasa-
kuasa
Lembaga.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), dan kepada peruntukan-peruntukan lain Akta ini, Lembaga boleh mewakilkan kepada Pengerusi, Pengurus Besar, mana-mana anggotanya yang lain atau mana-mana orang lain kuasa untuk membenarkan perbelanjaan dari Kumpulan Wang atau mana-mana wang lain yang terletak pada atau di bawah kawalan Lembaga hingga takat yang dinyatakan oleh Lembaga.

Kuasa meminjam.

25. (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa meminjam, atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga bagi menjelaskan mana-mana obligasinya atau bagi menjalankan mana-mana kewajipannya.

(2) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, meminjam wang dengan mengeluarkan bon, debentur atau stok debentur atau mendapatkan modal dengan mengeluarkan syer atau stok dari apa-apa kelas dan nilai dan atas apa-apa terma yang, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, difikirkannya bermanfaat bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) peruntukan modal kerja;
- (b) menunaikan fungsi-fungsi dan kewajipan-kewajipan Lembaga di bawah Akta ini;
- (c) menunaikan apa-apa fungsi tambahan yang dijalankan oleh Lembaga di bawah Akta ini;
- (d) menebus apa-apa syer atau stok yang ia dikehendaki atau berhak menebusnya; dan
- (e) apa-apa perbelanjaan lain yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sewajarnya kepada akaun modal.

Pelaburan.

26. Aset Lembaga, setakat mana yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, hendaklah dilaburkan mengikut cara yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Kuasa untuk mengambil kerja ejen-ejen.

27. Lembaga boleh mengambil kerja dan membayar ejen-ejen dan penasihat-penasihat teknik, termasuk peguambela dan peguamcara, banker, broker saham, jurukur, penilai atau orang-orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud-maksud Akta ini dengan cara yang lebih baik.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG 19

28. Pada melaksanakan kewajipan-kewajipan atau pada menjalankan fungsi-fungsinya, Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, memberi pinjaman, dan pinjaman itu boleh diberi tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan oleh Lembaga, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, patut dikenakan dalam hal-hal tertentu.

Kuasa untuk memberi pinjaman.

29. (1) Lembaga boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menubuhkan sesuatu perbadanan dengan apa-apa nama yang difikirkan patut oleh Lembaga untuk melaksanakan dan untuk menjaga, menjalankan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau enterpris yang telah dirancang atau dijalankan oleh Lembaga pada melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau pada menjalankan fungsi-fungsinya.

Kuasa untuk menubuhkan perbadanan.

(2) Peruntukan-peruntukan Jadual Kedua adalah terpakai bagi tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).

30. (1) Apabila apa-apa harta tak alih yang bukan tanah Kerajaan perlu diperolehi oleh Lembaga bagi maksud Akta ini, harta itu boleh diperolehi mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pengambilan tanah bagi sesuatu maksud awam yang sedang berkuatkuasa dalam Negeri itu, dan apa-apa akuan yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis itu bahawa tanah itu diperlukan sedemikian boleh dibuat walau pun pampasan akan dibayar oleh Lembaga, dan akuan itu hendaklah berkuatkuasa seolah-olah ia adalah suatu akuan bahawa tanah itu adalah diperlukan bagi sesuatu maksud awam mengikut undang-undang bertulis itu.

Mengambil tanah secara paksa.

(2) Perbelanjaan dan pampasan mengenai mana-mana harta tak alih yang diperolehi di bawah seksyen ini hendaklah dibayar oleh Lembaga.

(3) Apabila apa-apa harta tak alih telah diperolehi di bawah seksyen ini, Lembaga hendaklah mengambil cabutan dokumen hakmilik yang perlu mengenai harta itu dan hendaklah membayar apa-apa sewa yang mungkin dikenakan atas harta itu.

BAHAGIAN VI

AM

Pengecualian daripada duti setem.
Ord.
59/49.

31. Lembaga hendaklah dikecualikan daripada membayar duti setem di bawah Ordinan Setem 1949.

Obligasi menyimpan rahsia.

32. (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada seorang pun anggota, pegawai atau pengkhidmat Lembaga boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah diperolehinya semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

33. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang bermanfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan cara yang lebih baik.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan di bawah subseksyen itu boleh dibuat bagi—

- (a) menetapkan cara bagaimana dokumen, cek dan suratcara dari apa-apa jenis akan ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Lembaga;
- (b) menetapkan tanggungjawab dan kawalan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga;
- (c) mengenakan fee dalam hal-hal yang ditentukan oleh Lembaga;
- (d) mengadakan peruntukan mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan syer, stok, bon, debentur atau stok debentur yang dikeluarkan di bawah Akta ini yang pada pendapat Lembaga adalah perlu atau bermanfaat, dan khususnya, bagi mengadakan peraturan mengenai

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG 21

cara mengeluarkan, memindahmilik, menebus atau urusan-urusan lain mengenai syer, stok, bon, debentur atau stok debentur itu;

- (e) menetapkan cara bagaimana dan terma-terma dan syarat-syarat atas mana pinjaman boleh diberi oleh Lembaga di bawah seksyen 28; dan
- (f) mengadakan peruntukan secara am mengenai penjalanan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Lembaga di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini.

(3) Peraturan-peraturan itu boleh—

- (a) memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang melanggar mana-mana peruntukannya adalah menjadi suatu kesalahan; dan
- (b) mengadakan peruntukan bagi mengenakan penalti kerana kesalahan-kesalahan itu, dan penalti-penalti itu tidak boleh lebih daripada satu ribu ringgit.

34. Segala perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Lembaga pada menyediakan dan ke arah pelaksanaan wajar mana-mana peruntukan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya dengan menjangka Akta ini akan diperkanunkan hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh Akta ini, dan segala hak dan tanggungan yang diperolehi atau dilakukan bagi pihak Lembaga dari apa-apa perkara yang dilakukan sedemikian atau apa-apa perbelanjaan yang dilakukan sedemikian hendaklah disifatkan hak dan obligasi Lembaga sebaik sahaja Akta ini mula berkuatkuasa.

Perkara-perkara yang dilakukan dengan menjangka Akta ini akan diperkanunkan.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 5 (2)]

1. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh Menteri dalam suratcara perlantikannya, seseorang anggota Lembaga selain dari Pengurus Besar hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun dan adalah layak dilantik semula.

Terma-terma dan syarat-syarat perlantikan, pembatalan dan perletakan jawatan.

(2) Perlantikan seseorang anggota selain dari Pengurus Besar boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberi apa-apa sebab.

(3) Pengurus Besar hendaklah memegang jawatan sebagai anggota Lembaga selagi dia menjadi Pengurus Besar. Perlantikan-nya sebagai Pengurus Besar boleh dibatalkan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri dan mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang terpakai baginya.

(4) Seseorang anggota selain dari Pengurus Besar boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat kepada Menteri. Pengurus Besar boleh meletakkan jawatannya dengan mengutus surat kepada Lembaga dan Menteri dan mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang terpakai baginya.

(5) Seseorang anggota hendaklah menumpukan masanya kepada urusan Lembaga sebanyak yang perlu bagi menjalankan kewajipan-kewajipannya dengan berkesan.

Mengosong-
kan jawatan.

2. (1) Jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah dikosongkan—

(a) jika anggota itu mati;

(b) jika telah dibuktikan terhadap anggota itu, atau anggota itu telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan mengenai—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak; atau

(ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan rasuah atau di bawah seksyen 32; atau

(iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dikenakan hukuman penjara (hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun; atau

(c) jika anggota itu menjadi bankrap; atau

(d) jika anggota itu tidak sempurna akal atau, kerana apa-apa sebab lain, tidak berupaya menjalankan kewajipannya; atau

(e) jika anggota itu tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Lembaga atau, dalam hal seseorang anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) (c) atau (1) (d) seksyen 5 jika dia tidak menghadiri mesyuarat tanpa kebenaran sedemikian dan tanpa diwakili di mesyuarat itu oleh orang-orang yang dilantik menjadi anggota gilir di bawah subseksyen (1) seksyen 6 untuk menggantikannya :

Dengan syarat bahawa, walau apa pun peruntukan subseksyen (4) seksyen 6, jawatan anggota gilir tidak akan dikosongkan di bawah subparagraf ini jika dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Lembaga selagi jawatan anggota yang baginya dia dilantik menjadi anggota gilir tidak dikosongkan di bawah subparagraf ini; atau

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG 23

- (f) jika perletakan jawatannya diterima oleh Menteri atau, dalam hal Pengurus Besar, oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri dan mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang terpakai baginya; atau
- (g) jika perlantikannya dibatalkan oleh Menteri atau, dalam hal Pengurus Besar, oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri dan mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang terpakai baginya.

(2) Jika seseorang anggota terhenti menjadi anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan-peruntukan yang berkenaan.

3. Maka hendaklah dibayar kepada anggota-anggota Lembaga atau mana-mana orang lain (yang bukannya pegawai atau pengkhidmat Lembaga, pegawai atau pengkhidmat itu adalah yang termasuk dalam peruntukan-peruntukan Akta ini berhubungan dengan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang terpakai baginya) apa-apa saraan atau elaun sebagaimana ditentukan oleh Menteri. Saraan atau elaun.

4. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua bulan. Mesyuarat.

(2) Kuoram bagi Lembaga ialah enam.

(3) Dalam semua mesyuarat Lembaga, Pengerusi atau, jika dia tidak hadir, Timbalan Pengerusi atau, jika kedua-duanya tidak hadir, seorang anggota yang dipilih oleh anggota-anggota yang hadir, hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Jika mengenai sesuatu soal yang hendak diputuskan oleh Lembaga bilangan undi didapati sama banyaknya, Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan mesyuarat itu adalah berhak memberi undi pemutus selain daripada undi biasanya.

(5) Pengurus Besar tidak mempunyai hak mengundi di mana-mana mesyuarat Lembaga dan dia hendaklah disifatkan tidak menjadi anggota Lembaga bagi maksud-maksud paragraf ini kecuali bagi subparagraf (6).

(6) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Lembaga hendaklah menetapkan prosedurnya sendiri.

5. Lembaga boleh meminta sesiapa jua (yang bukan anggota Lembaga) menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Lembaga bagi maksud menasihatkannya atas apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi sesiapa yang hadir sedemikian tidak berhak mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan tersebut. Lembaga boleh mengundang orang-orang lain menghadiri mesyuarat

Meteri am.

6. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meteri am yang mengandungi sesuatu tanda yang diluluskan oleh Lembaga dan meteri itu boleh dari semasa ke semasa dipecah, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Sehingga suatu meteri diadakan oleh Lembaga suatu cap mengandungi perkataan "Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meteri biasa Lembaga.

(3) Meteri biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga, dan hendaklah disahkan oleh Pengerusi atau oleh orang yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan semua surat-ikatan, dokumen dan suratcara-suratcara lain yang berupa sebagai dimeterikan dengan meteri tersebut, disahkan sebagaimana tersebut di atas, hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sahnyanya sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteri boleh disempurnakan oleh Lembaga dengan cara demikian itu juga; dan mana-mana dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana pegawai atau penjawat Lembaga yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(4) Meteri Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Menzahirkan
kepentingan.

7. Tanpa menyentuh pemakaian peruntukan-peruntukan seksyen 16 dalam hal Pengurus Besar, seseorang anggota Lembaga yang ada mempunyai, secara langsung atau secara tidak langsung, dengan sendirinya atau melalui pekongsinya, apa-apa kepentingan dalam sesuatu syarikat atau usaha yang dengannya Lembaga ber-cadang hendak membuat apa-apa kontrak atau yang ada mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan kepada Lembaga hal dan jenis kepentingannya, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil apa-apa bahagian dalam apa-apa perbincangan atau keputusan Lembaga berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

Minit.

8. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit segala mesyuarat Lembaga disenggara dan disimpan dalam bentuk yang wajar.

(2) Sesuatu minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang dengan tidak perlu dibuktikan lagi dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit-minit mengenai prosidingnya telah dibuat sedemikian hendaklah

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG 25

disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sempurnanya dan semua anggota dalam mesyuarat itu sebagai telah berkelayakan dengan sempurnanya untuk bertindak.

9. Tiada apa-apa perbuatan yang dilakukan atau tiada apa-apa prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

Sahnya
perbuatan
dan
prosiding.

- (a) ada sesuatu kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam keanggotaan Lembaga; atau
- (b) ada sesuatu langgaran oleh seseorang anggota Lembaga akan peruntukan-peruntukan paragraf 7; atau
- (c) ada sesuatu ketinggalan, kecacatan atau luar aturan yang tidak menyentuh merit kes yang berkenaan itu.

JADUAL KEDUA

[Seksyen 29 (2)]

1. Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh sesuatu perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 29, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menentukan—

Kuasa
Lembaga
untuk
membuat
peraturan-
peraturan
berkenaan
dengan
perbadanan.

- (a) maksud-maksud dan tujuan-tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak-hak, kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak pengawalan Lembaga ke atas perbadanan itu.

2. Tiada apa-apa jua dalam paragraf 1 boleh disifatkan sebagai memberikuasa kepada Lembaga membuat peraturan-peraturan untuk menubuhkan sesuatu perbadanan bagi apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas bidangnya daripada maksud-maksud atau tujuan-tujuan Lembaga itu ditubuhkan atau sebagai memberi kepada sesuatu perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau fungsi yang tidak termasuk antara hak-hak, kewajipan-kewajipan, kuasa-kuasa atau fungsi-fungsi Lembaga di bawah Akta ini.

Batasan ke
atas kuasa
untuk
menubuhkan
perbadanan.

3. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan peruntukan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 33, sesuatu perbadanan hendaklah terikat kepada apa-apa peraturan yang dibuat berkenaan dengannya di bawah paragraf 1 dan peraturan-peraturan itu hendaklah berkuatkuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah dikanunkan dalam Akta ini.

Kuatkuasa
peraturan-
peraturan.

4. Lembaga boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan, atau membuat tambahan kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah paragraf 1 berkenaan dengan sesuatu perbadanan.

Pindaan bagi
peraturan-
peraturan.

Daftar perbadanan.

5. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 29 dan daftar itu bersama dengan salinan segala peraturan yang dibuat di bawah paragraf 1 dan 4, hendaklah terbuka untuk pemeriksaan awam di mana-mana satu atau beberapa tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan olehnya.

Penggulungan.

6. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila sesuatu perbadanan dibubarkan di bawah paragraf ini, aset perbadanan itu hendaklah dipindahkan dan diletakkan pada Lembaga setelah segala liabilitinya dilepaskan.

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah paragraf ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga.

Perbadanan hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan.

7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 adalah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberi oleh Lembaga dan adalah kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri am dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu dan, bagi maksud melaksanakan projek, skim atau *enterprise* yang kerananya ia telah ditubuhkan, boleh mengikat kontrak dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan dengan harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan sebagaimana ditetapkan oleh Lembaga dalam tiap-tiap satu hal itu.

Meteri am perbadanan.

8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meteri am yang mengandungi sesuatu tanda yang diluluskan oleh perbadanan dengan persetujuan Lembaga; dan meteri itu boleh dari semasa ke semasa dipecah, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana difikirkan patut oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga.

(2) Sehingga suatu meteri diadakah oleh perbadanan, suatu cap mengandungi nama perbadanan melingkungi huruf "LKWPP" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai suatu meteri am Lembaga.

(3) Meteri am itu hendaklah disimpan dalam jagaan seseorang yang diarahkan oleh perbadanan dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeterikan dengan meteri tersebut, disahkan

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG 27

sebagaimana tersebut dahulu hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sahnyanya sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau suratcara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak akan dikehendaki dimeteri boleh disempurnakan dengan cara demikian itu juga oleh perbadanan; dan mana-mana dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pengkhidmat perbadanan yang diberi kuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meteri tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.